


## HIERARKI SISTEM PEMBANGUNAN



**RFN**  
(Rancangan Fizikal Negara)

**RSN**  
(Rancangan Struktur Negeri Kelantan)

**RT**  
(Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat)

**RKK**  
\*(Rancangan Kawasan Khas)

Sistem Rancangan Pemajuan di Semenanjung Malaysia mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) mempunyai 4 peringkat iaitu:

1. Rancangan Fizikal Negara (RFN)
2. Rancangan Struktur Negeri (RSN)
3. Rancangan Tempatan (RT)
4. Rancangan Kawasan Khas (RKK)

Rancangan Tempatan (RT) Jajahan Tumpat ini merupakan peringkat yang ketiga setelah Rancangan Struktur Negeri Kelantan.

Nota\*Kawasan Jajahan Tumpat belum lagi disediakan RKK

## KEGUNAAN RT JAJAHAN TUMPAT

Laporan Draf Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat 2020



- 1. MAJLIS DAERAH TUMPAT :** Sebagai panduan dan asas bagi proses kawalan perancangan dan pembangunan secara lebih cekap
- 2. AGENSI KERAJAAN :** Sebagai asas dalam merangka program dan projek pembangunan jabatan
- 3. PELABUR & PEMAJU :** Sebagai rujukan bagi tujuan pembangunan
- 4. ORANG AWAM & TUAN TANAH :** Sebagai panduan dalam mengenalpasti status dan potensi tanah masing-masing pada masa depan.

## DEFINISI RANCANGAN TEMPATAN (RT) JAJAHAN TUMPAT

**“**RJ Jajahan Tumpat merupakan suatu dokumen perancangan yang menyatakan semua cadangan pembangunan guna tanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot-lot tanah bagi keseluruhan Jajahan Tumpat menjelang tahun 2020. **”**



## LOKASI & PENTADBIRAN

Jajahan terkecil yang terletak di Wilayah Utara Kelantan iaitu bersempadan dengan Negara Thailand, Jajahan Pasir Mas dan Jajahan Kota Bharu. Keluasannya seluas 18,111.15 hektar merupakan 1.13 % dari keluasan Negeri Kelantan. 94.1% daripada kawasannya ditadbir oleh Majlis Daerah Tumpat manakala bakinya oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (JPBD Negeri Kelantan)

### INFO

**Keluasan:**  
18,111.15 hektar


**Penduduk (tahun 2000):**  
134,812 orang

**Kawasan pentadbiran:**  
Majlis Daerah Tumpat  
Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

**Bilangan Daerah:**  
7  
Tumpat | Pengkalan Kubor | Wakaf Bharu | Jal Besar | Terbok | Kebakat | Sg. Pinang

**Jangkamasa Perancangan:**  
10 tahun ( sehingga 2020 )

**Kawasan Pilihanraya:**  
Parlimen PO19 :  
Tumpat  
NO1 Pengkalan Kubor  
NO2 Kelaboran  
NO3 Pasir Pekan  
NO4 Wakaf Bharu



### DAERAH


Jajahan Tumpat mempunyai tujuh daerah yang terdiri daripada Pengkalan Kubor, Jal Besar, Tumpat, Terbok, Kebakat, Wakaf Bharu dan Sungai Pinang di mana daerah Jal Besar merupakan daerah yang paling luas berbanding daerah lain.


Pengkalan Kubor	Jal Besar	Tumpat	Terbok	Kebakat	Wakaf Bharu	Sg. Pinang
2,429.55 hektar	3,349.09 hektar	2,372.52 hektar	2,648.06 hektar	1,545.98 hektar	2,526.43 hektar	3,239.52 hektar



## GUNATANAH SEMASA (TAHUN 2009)

Secara amnya, corak guna tanah boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu kawasan **tepubina** (kediaman, perniagaan, industri) dan kawasan **bukan tepubina** (pertanian, hutan, pantai, tanah kosong). Guna tanah utama iaitu sebanyak **75.04 %** adalah dari gunatanah bukan tepubina manakala bakinya sebanyak **24.96 %** adalah gunatanah tepubina.





## GUNATANAH SEMASA (TAHUN 2009)

**Kawasan tepubina** tertumpu di Bandar Tumpat, Wakaf Bharu, Pasir Pekan dan Pengkalan Kubor iaitu di sepanjang jalan utama Kota Bharu – Wakaf Bharu – Pengkalan Kubor dan Wakaf Bharu - Tumpat.

**Kawasan bukan tepubina** pula sebahagian besarnya tertumpu di Daerah Pengkalan Kubor, Jal Besar dan Sungai Pinang.

### KOMPOSISI GUNATANAH

25 % tanah telah dimajukan untuk pembangunan

46 % berhalangan untuk dimajukan yang meliputi kawasan tanaman padi, badan air dan kawasan pantai

29 % berpotensi untuk pembangunan akan datang yang meliputi kawasan pertanian (bukan

Pelan Gunatanah Semasa Tumpat (2009)

